

# Gerakan dakwah tidak perlu bimbang - Dr. M

ALOR SETAR, Sabtu — Semua pergerakan dakwah di negara ini tidak perlu bimbang campurtangan Kerajaan sekiranya mereka mengikut ajaran Islam sebenar, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, Islam adalah agama rasmi negara ini dan dari itu, dakwah Islamiah mestilah di-sebarkan secara terbuka tanpa sekatan.

"Cuma ajaran Islam sesat sahaja menjalankan kegiatan mereka secara bersembunyi," katanya semasa merasmikan kursus sivik anjuran Pemuda UMNO Kubang Pasu di Sekolah Kebangsaan Hooba.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan terpaksa menyalasi mana-mana kumpulan dakwah yang disyaki menyebarkan ajaran sesat.

Bellau mengingatkan rakyat berwaspada pada kumpulan dakwah yang bergiat secara menyisihkan diri dari masyarakat.

Katanya, kumpulan ini cuba mengelirukan umat Islam yang mempunyai pengetahuan Islam cetek atau tidak faham dengan masalah umat Islam hari ini.

Bellau menambah, kumpulan ini menggunakan ayat-ayat Quran untuk meyakinkan mangsa mereka dan ini akan mengancam kemajuan

negara dan kestabilan negara.

Dr. Mahathir berkata kursus sivik adalah penting untuk menerangkan rakyat kedudukan sebenar tiap isu semasa.

Bellau mengingatkan, ada sekumpulan rakyat yang mengaku bahawa kenaikan subsidi padi adalah hasil perjuangan mereka.

Katanya, Kerajaan menaikkan subsidi padi semata-mata untuk meningkatkan taraf hidup tani.

Dr. Mahathir kemudian menerima cek bernilai \$287,207 bagi pembinaan dua masjid di Sanglang dari wakil Kerajaan Arab Saudi.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia